

Gerard Ee, Klaus Schwab dianugerah Doktor Kehormat oleh NUS

PENGERUSI Majlis Amal Gerard Ee dan pengerusi eksekutif Forum Ekonomi Dunia (WEF) Klaus Schwab menerima penghormatan tertinggi daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam, yang mengiktiraf sumbangan mereka dalam khidmat masyarakat dan kepimpinan antarabangsa.

Mereka dianugerahkan Doktor Kehormat pada majlis utama konvensyen 2017 NUS, di mana kira-kira 230 siswazah Sekolah Perkomputeran NUS, Sekolah Perniagaan NUS dan Kolej Yale-NUS turut menerima ijazah mereka.

Profesor Schwab, yang mengasaskan WEF pada 1971, mengetuai usaha perdamaian yayasan bukan meraih keuntungan di pelbagai pelosok dunia, termasuk menggalak globalisasi inklusif, menyokong keusahawanan sosial dan memastikan kerjasama awam-swasta demi menangani isu global seperti kesihatan awam dan perubahan iklim.

Beliau penyokong kuat NUS dalam penyertaan kegiatan universiti tersebut dalam WEF lebih sedekad dan juga giat terlibat dengan pemimpin pemikiran utama di Singapura.

Encik Ee, yang juga pengerusi Eastern Health Alliance (EH Alliance), dan presiden Institut Akauntan Bertauliah Singapura, dengan penuh semangat mendukung jawatan mencabar dalam beberapa pertubuhan sewaktu tempoh peralihan kritikal.

Apabila kepercayaan awam terhadap Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) merosot selepas skandal rasuah pada 2005, Encik Ee menerima peranan pengerusi sementara dan bertindak sebagai ketua



eksekutif NKF.

Beliau juga memegang jawatan pengerusi Majlis Pengangkutan Awam dari 2005 hingga 2012, dengan ditugaskan mengesyorkan saranan tambang berkala bagi pengangkutan awam, dan mempengerusikan Jawatankuasa Semakan Gaji Menteri pada 2012.

Dalam ucapannya pada majlis NUS itu, Encik Ee menggalak graduan memegang “nilai asas bersama”

mereka meskipun masyarakat terus berkembang dengan pesat.

“Nilai menentukan individu. Nilai bersama menentukan masyarakat. Tanpa nilai yang dikongsi bersama, masyarakat akan berpecah kepada suku-suku... melihat dan menganggap satu sama lain sebagai manusia (boleh membantu kita) membina dunia yang lebih baik untuk generasi akan datang,” kata Encik Ee.

SUMBANGAN DIKTIRAF:

Encik Gerard Ee (*kiri*) dan Encik Klaus Schwab dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat oleh NUS bagi sumbangan mereka masing-masing dalam khidmat masyarakat dan kepimpinan antarabangsa. – Foto fail THE STRAITS TIMES